

# Rodat: Budaya Tradisi Yang Berevolusi

## *Rodat: Traditional Culture which Evolves*

**Muhammad Irfan Nyia Abdullah<sup>1\*</sup>, Sakinah Abu Bakar<sup>2</sup> dan Tasnim Mohd Annuar<sup>3</sup>**

<sup>1,2</sup>*Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia*

<sup>3</sup>*Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia*

\*Corresponding author: [irfan@ipgmkdri.edu.my](mailto:irfan@ipgmkdri.edu.my)

### **ABSTRAK**

*Rodat merupakan salah satu budaya tradisi masyarakat Melayu yang terdapat di negeri Terengganu. Persembahan rodats menggabungkan elemen muzik, tarian dan nyanyian. Kesenian rodats di Kuala Terengganu telah melalui proses evolusi mengikut zaman. Kajian ini bertujuan mengenal pasti evolusi yang berlaku dalam kesenian rodats di Kuala Terengganu. Evolusi rodats tersebut dilihat dari aspek fungsi, kostum, lirik lagu, struktur persembahan, bilangan anggota kumpulan dan penerimaan khalayak terhadap rodats. Pengumpulan data kajian ini dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu penyelidikan kepustakaan dan penelitian lapangan. Selain itu, kajian ini turut mendapati kesenian rodats di Kuala Terengganu kian*

*pupus ditelan zaman. Justeru, rodat perlu diperkenalkan kepada generasi muda menerusi sukatan pelajaran di institusi pendidikan, dikomersilkan di peringkat kebangsaan menerusi penganjuran festival rodat dan program-program khusus daripada kerajaan negeri Terengganu supaya kesenian ini dapat dilestarikan sebagai khazanah bangsa yang wajar dipertahankan.*

**Kata kunci:** *rodat, kesenian Terengganu, evolusi seni, budaya*

*Rodat is one of the traditional cultures of the Malays which can be found in Terengganu. Combining the elements of music, dance and song, rodat in Kuala Terengganu has undergone many changes. The objective of this research is to identify the evolution that has taken place in the art of rodat in Kuala Terengganu from the aspects of its functions, costumes, songs, lyrics, performance structure, number of group members and the acceptance of the public. The data for this research was collected through two methods which are field observation and literature research. The art of rodat in Kuala Terengganu is slowly losing its place in society and may perish. Therefore, rodat needs to be introduced to the younger generation through the curriculum in educational institutes, and commercialised at the national level via the organisation of rodat festivals and specific programmes by the state of Terengganu so that this beautiful art form can be preserved as a national treasure which should be protected.*

**Keywords:** *rodat, Terengganu art, art evolution, culture*

## PENDAHULUAN

Inang rodan tujuh beradik  
berpakaian sedondong  
berbaju batik rentak seribu  
berkain songket merah jambu  
bersapu tangan sutera semai  
di hujung jari melambai-lambai  
Kota Darul Iman membuai rasa  
lubuk hatiku berkocak rindu.

*(Inang rodan kasihku tumpah, J. M. Aziz 1988)*

Masyarakat Melayu memang kaya dengan kesenian yang diwarisi sejak berzaman. Jika negeri Melaka terkenal dengan dondang sayang, negeri Johor dengan tarian zapin, negeri Kelantan dengan wayang kulit, negeri Terengganu pula gah dengan tarian ulek mayang, gamelan dan rodan. Rodan merupakan satu kesenian tradisional yang cukup unik kerana menggabungkan elemen seni suara, muzik dan tari.

Seni muzik merupakan salah satu elemen ciptaan manusia untuk menzahirkan perasaan dan emosi mereka. Ahli-ahli falsafah seni berpendapat manusia mempunyai minat terhadap muzik kerana seni muzik berasal daripada tabii yang lahir dalam diri manusia mendasari perasaan bawah sedar dan naluri manusia. Muzik tradisional Melayu menggambarkan sosio budaya dan kreativiti masyarakat Melayu zaman lampau. Sachc (1963: 15), seorang ahli sejarah dan muzik Jerman menjelaskan seni tari amat berkait rapat dengan seni muzik. Seni tari merupakan gerakan berirama dan pengucapan jiwa manusia melalui gerak-geri berirama yang indah. Selain itu, Soedersono (1972: 4-5) mengatakan gerak-geri yang dimaksudkan sebagai tarian adalah berbentuk ciptaan indah yang mampu memberi kepuasan kepada orang lain.

Secara umumnya dapat dirumuskan bahawa seni muzik merupakan hasil ciptaan manusia. Bermula dengan ciptaan bunyi-bunyian mulut, penggunaan anggota badan seperti tangan dan kaki dalam menghasilkan bunyi-bunyian. Akhirnya, muzik dicipta manusia menggunakan alat-alat muzik yang sekian lama diistilahkan sebagai "kesenian." Slotkin (1950: 15) melihat ruang lingkup kesenian sebagai "...susunan kegiatan anggota masyarakat untuk membuat benda tertentu yang mengandungi nilai keindahan dan memberi kepuasan." Manakala Gazali (1969: 9) memperincikan lagi kesenian sebagai "...segala sesuatu yang indah yang dapat menimbulkan rasa senang orang yang melihat dan mendengarnya. Secara lebih luas kesenian itu ialah keindahan yang dapat menggetarkan sukma serta menjadikan seseorang itu terharu dan terpesona."

John Huzinga (1962) dalam buku *Home Ludens: A Study of The Play Elements in Culture* memperlihatkan unsur mainan adalah "...must be defined as a free and voluntary activity, a source of joy and amusement." Konsep unsur main tersebut meliputi pertunjukan teater, tarian, nyanyian rakyat, permainan tradisional dan termasuklah pelbagai upacara. Dalam masyarakat Melayu, unsur main tersebut diperturunkan dari satu generasi kepada generasi yang lain.

Kajian ini bertujuan memperlihatkan perubahan yang terdapat dalam persembahan rodan pada zaman dahulu dan sekarang. Hal ini meliputi fungsi rodan, kostum, lirik lagu dan struktur persembahan dalam rodan.

## **SEJARAH RODAN**

Pengkaji dan penggiat seni bersependapat bahawa rodan berasal dari negara Arab. Menurut Pak Yusof Said<sup>1</sup>, rodan berasal dari Tanah Arab dan kemudian berkembang ke nusantara. Rodan diyakini berasal dari Baghdad pada zaman Bani Abasiyah ketika di bawah pemerintahan al-Makmun. Ketika itu, Baghdad terkenal sebagai sebuah pusat kebudayaan teragung dan menghasilkan pelbagai kesenian termasuklah rodan. Rodan merupakan ringkasan daripada

perkataan "madrah" dan "Baghdad" yang bermaksud "Berdikir Baghdad." Dari Indonesia, rodan dibawa ke Terengganu oleh pedagang-pedagang Sambas pada kurun ke-19. Pendapat Pak Yusof Said turut disokong oleh Encik Abdul Razak Senik<sup>2</sup>, guru rodan di Kampung Surau Panjang, Kuala Terengganu.

Hal ini terbukti melalui catatan Sheppard (1983) dalam *Journal of the Malayan Branch* yang mencatatkan:

*Very few instructors or performers had any idea of the origin of the art but in rare cases, it was believed that many years ago the Sambas from Borneo used to come annually in the fine weather for trading during their stay in Terengganu, they used to perform rodan. The art became popular and the local people learned it from the traders.*

Selain itu, majalah Mastika Ogos 1967 turut mencatatkan lebih kurang 50 hingga 60 tahun dahulu, tarian rodan ini dibawa oleh pedagang-pedagang Sambas dan Pontianak ke Terengganu. Mereka datang ke Terengganu untuk membeli budu, kain songket, benang emas, perkakas tenun dan sebagainya. Kebiasaannya, menjelang malam, seramai 10 hingga 20 orang anak-anak kapal akan berkumpul memukul tar rodan yang dibawa bersama-sama ketika belayar sambil menyanyi dan menari sehingga larut malam. Suara nyanyian yang lunak lembut menarik penduduk-penduduk di sekitar pantai Kuala Terengganu. Mereka kemudian menghampiri perahu-perahu besar Sambas dan Pontianak. Dari situlah mereka mula belajar bermain rodan.

Hal ini disokong oleh Pak Awang Salleh<sup>3</sup>, seorang guru rodan di Kuala Terengganu. Menurut beliau selepas waktu Maghrib, pedagang-pedagang Sambas mula bermain rodan melalui nyanyian sahaja. Orang Balik Bukit yang mendengar nyanyian tersebut kemudian berperahu ke muara untuk melihat. Dari sinilah penduduk-penduduk Terengganu mula menerima rodan sebagai sebahagian kegiatan kesenian mereka.

Terdapat satu lagi pendapat mengatakan bahawa rodak yang terdapat di Terengganu diperkenalkan oleh pedagang-pedagang Terengganu sendiri yang telah berdagang ke Sambas. Menurut Encik Abdul Razak Senik, pedagang-pedagang dari Terengganu mempelajari selok-belok tentang rodak ketika di Sambas dan bertanggungjawab memperkenalkan rodak kepada penduduk tempatan sekembalinya mereka ke Terengganu. Antaranya, Muhammad Kepak mahir seni pengadi, Cik Udin mahir berleenggok dan Abdullah Pepeh mahir menghafal seni kata lagu. Namun begitu, diyakini pedagang-pedagang dari Arab terlebih dahulu memperkenalkan rodak kepada penduduk Sambas.

Pada tahun 1900 hingga 1920, beberapa kumpulan rodak telah ditubuhkan dan mengadakan persembahan di sekitar Kuala Terengganu terutama di Kampung Pasir Panjang, Gong Tok Nasek dan Kampung Balik Bukit. Selepas rodak diterima dan diminati oleh penduduk Terengganu, kumpulan rodak mula ditubuhkan di daerah lain seperti di Kemaman, Dungun, Besut, Setiu dan Hulu Terengganu.

## **KITAB HADRAH**

Kitab Hadrah berukuran panjang 10 inci dan tebalnya 1 inci. Kulit kitab diperbuat daripada kulit unta. Kitab Hadrah dikarang oleh seorang tokoh Islam dan pencipta seni yang masyhur bernama Hadrah dari Baghdad. Ketika riwayat hidupnya, beliau telah melakukan satu kesalahan terhadap raja, lalu dijatuhkan hukuman mati ke atasnya.

Semasa berada di dalam penjara, Hadrah telah meminta izin raja untuk membaca segala hasil karyanya kepada raja dan rakyat jelata. Permintaan beliau diperkenankan raja dan Hadrah mula berzikir melafazkan kalimah-kalimah pujian kepada Allah, nabi dan rasul yang tinggi mutunya. Selepas berzikir sehari-hari lamanya, raja dan rakyat jelata tertarik dan terpesona mendengar hasil karya beliau yang cukup menyentuh perasaan. Raja kemudian mengubah hukuman yang dijatuhkan kepada Hadrah. Beliau dibebaskan dan diperintahkan oleh raja untuk menulis semua karya zikir yang telah diperdengarkan ketika di dalam penjara.

Hadrah telah menulis segala zikir tersebut dan hasil karya beliau kemudiannya dibukukan dan dinamakan Kitab Hadrah.



**Gambar 1** Kitab Hadrah

Sumber: Koleksi Muzium Negeri Terengganu

Kitab Hadrah ini dimulakan dengan alunan zikir seperti berikut:

Ilāhī nas'aluka bi al-ismi al-A'zam  
 bi jāhi al-Mustafā farrij 'alainā  
 Bismillāhi Mawlānā 'ibtadaynā  
 wa nahmaduhu 'alā nu'māhu fīnā  
 Tawassalnā bihī fī kulli 'amrin  
 ghiyas al-khalqī rabb al-'ālamīnā  
 Wa bi al-asmā'i mā waradat bi nassin  
 wa mā fī al-ghaybi makhzunā masunā

إِلَهِي نَسْأَلُكَ بِالِاسْمِ الْأَعْظَمِ  
 بِجَاهِ الْمُصْطَفَى فَرِّجْ عَلَيْنَا  
 بِاسْمِ اللَّهِ مَوْلَانَا ابْتَدَيْنَا  
 وَنَحْمَدُهُ عَلَى نِعْمَاهُ فِينَا  
 تَوَسَّلْنَا بِهِ فِي كُلِّ أَمْرٍ  
 غِيَاثَ الْخَلْقِ رَبِّ الْعَالَمِينَ  
 وَبِالْأَسْمَاءِ مَا وَرَدَتْ بِنَصِّ  
 وَمَا فِي الْغَيْبِ مَخْزُونًا مَسُونًا

Maksud zikir adalah lebih kurang seperti berikut:

Tuhanku, kami memohon dengan namaMu yang Agung dan dengan kemuliaan al-Mustafa (Nabi Muhammad) agar Engkau lapangkan kami;  
 Dengan nama Allah, Tuhan kami, kami mulakan dan kami memujiNya atas nikmatNya pada kami;  
 Kami memohon kepadaNya dalam setiap perkara, Penolong makhluk, Tuhan seluruh alam;  
 Dan dengan nama-namaMu yang terungkap di dalam nas (al-Quran), dan yang terdapat di dalam ghaib, tersimpan lagi terpelihara.



## TAR RODAT

Tar rodan diperbuat daripada kayu leban dan permukaannya diperbuat daripada kulit kerbau yang berumur tiga tahun. Saiz badan (perimeter) tar rodan ialah 12 inci. Bingkai tar rodan diletakkan kepingan tembaga yang dipanggil caping. Kulit kerbau di permukaan tar yang diikat menggunakan lilitan aluminium dan dipaku dikenali sebagai kendit.



**Gambar 2** Tar rodan

Sumber: Koleksi Muzium Negeri Terengganu

## **FUNGSI RODAT**

### **Hiburan**

Rodat pada peringkat awal dimainkan oleh penduduk Terengganu dalam kumpulan kecil untuk mengisi masa lapang pada waktu malam selepas penat bekerja pada siang hari. Musim tengkujuh yang melanda saban tahun menghalang usaha para nelayan mencari rezeki. Kesempatan ini digunakan untuk mempelajari dan bermain rodan. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Shahril Asmar dan Mohamed Roselan (1995) iaitu, "Masyarakat tradisi mempunyai banyak masa terluang. Selepas musim menuai hinggalah musim menuai misalnya, kebanyakan petani tidak mempunyai pekerjaan lain untuk mengisi masa itu. Begitu juga nelayan yang tidak dapat ke laut kerana musim tengkujuh. Ombak yang ganas menerjah lautan tidak dapat ke laut kerana musim tengkujuh. Ombak yang ganas menerjah lautan tidak memungkinkan mereka mencari rezeki. Ekoran itu, berbagai-bagai bentuk seni direka untuk mengisi masa lapang."

Pada sekitar tahun 1900, rodan mula dipersembahkan di majlis perkahwinan dan berkhatan untuk memeriahkan suasana dan sebagai hiburan kepada para tetamu yang hadir. Persembahan rodan berupa zikir yang memuji Allah, nabi dan rasul yang bertujuan memohon keberkatan majlis daripada Allah dan dapat mengeratkan persaudaraan dalam kalangan penduduk kampung. Persembahan ketika itu tidak melibatkan sebarang tarian.

### **Penyeri Majlis Rasmi Negeri**

Tahun 1950-an hingga awal tahun 1970-an merupakan zaman kegemilangan rodan di negeri Terengganu. Persembahan rodan telah berkembang daripada kesenian rakyat jelata kepada kesenian istana. Persembahan rodan telah diiktiraf sebagai kesenian istana. Rodan dipersembahkan di istana pada majlis rasmi negeri Terengganu seperti Hari Keputeraan Sultan Terengganu.

Peredaran zaman memperlihatkan rodas tidak lagi menjadi kesenian di istana sebagaimana tahun 1950-an hingga 1970-an. Persembahan rodas telah menjadi kesenian rakyat biasa dan sering dipersembahkan di pentas-pentas awam yang dibina khas oleh kerajaan negeri apabila tibanya satu-satu majlis rasmi negeri. Hal ini bertujuan sebagai hiburan dan berkongsi kemeriahan majlis rasmi yang diraikan bersama-sama rakyat jelata.

### **Propaganda dan Mesej Pihak Kerajaan**

Pada tahun 1950-an, rodas merupakan hiburan yang diminati ramai. Sehubungan itu, rodas telah digunakan oleh pihak kerajaan untuk menyampaikan propaganda dan mesej pihak kerajaan sebelum persembahan rodas dimulakan. Melalui kaedah ini, masyarakat setempat dimaklumkan berita terkini, perancangan yang akan dilaksanakan dan kejayaan yang telah diperolehi oleh pihak kerajaan.

### **Sumber Pendapatan**

Persembahan rodas juga memberikan sumber pendapatan kepada mereka yang terlibat dengan persembahan tersebut. Pada kebiasaannya rodas dimainkan ketika mendapat undangan daripada pihak-pihak tertentu seperti Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia, kerajaan negeri atau atas permintaan pihak hotel bertaraf tiga hingga lima bintang. Rodas turut dipersembahkan setiap kali kerajaan negeri mengadakan Pesta Pantai. Menurut Pak Yusof Said, setiap persembahan rodas akan dibayar RM600 hingga RM800. Bayaran tersebut akan dibahagi kepada semua ahli kumpulan yang menjayakan persembahan mengikut peranan masing-masing.

## **KOSTUM**

Kostum dalam persembahan rodan pada peringkat awal tidak begitu dipentingkan berbanding dengan kesenian tradisional lain seperti mak yong dan bangsawan. Dalam persembahan rodan, kostum kumpulan pengadi, pelenggok dan mak inang ditetapkan mengikut persetujuan bersama. Mereka berpakaian harian masing-masing seperti berbaju kurung, kebaya, berbaju kemeja, berkain pelikat, berkain samping atau berseluar yang tiada keseragaman warna. Hal ini dipersetujui oleh Encik Abdul Aziz Sulaiman<sup>4</sup>, seorang aktivis budaya Terengganu yang mengatakan:

Pakaian pengadi dan pelenggok pada zaman dahulu memperlihatkan kesatuan ahli kumpulan rodan dengan berpakaian baju Melayu ala Aceh, berkain samping dan bersongkok walaupun warnanya tidak seragam. Kain samping pada zaman dahulu selain sebagai penyeri pakaian juga boleh digunakan sebagai senjata ketika dalam bahaya. Manakala pakaian mak inang ialah baju kebaya pakaian harian, berselendang sama ada di bahu atau diikat di pinggang mak inang dan bersanggul rambut. Selendang berfungsi sebagai penutup kepala yang bersesuaian dengan adat Melayu yang memperlihatkan kesopanan dan ketinggian budaya bangsa. Bahan solekan mak inang pada zaman dahulu hanyalah gincu kertas sahaja.

Pemberatan soal kostum mula diberi perhatian apabila rodan mula mendapat tempat dalam kalangan masyarakat sebagai satu hiburan pentas pada masa lapang. Pakaian kumpulan pengadi, pelenggok dan mak inang mula menggunakan kostum yang lebih cantik, bercorak, pelbagai warna dan bermutu tinggi. Dewasa ini, kostum pemain-pemain rodan adalah seragam dari aspek kain buatan, jenis pakaian dan warna. Antara pakaian pemain-pemain rodan masa kini adalah seperti berikut:

### **Kumpulan Pengadi**

Kumpulan pengadi selalunya memakai pakaian seragam baju Melayu lengkap berkain samping dan bersongkok. Selain itu, pakaian seragam batik, seluar panjang hitam dan songkok turut menjadi pilihan kumpulan pengadi dalam mempromosikan hasil kraf tempatan kepada para pelancong.



**Gambar 3** Kostum kumpulan pengadi  
Sumber: Koleksi Muzium Negeri Terengganu

### **Kumpulan Pelenggok**

Kostum kumpulan pelenggok hanya berpakaian lengkap seragam baju Melayu berwarna cerah, bersongkok dan berkain samping. Jika menerima jemputan untuk mempersembahkan rodak di majlis anjuran hotel atau majlis rasmi, kumpulan pelenggok akan memakai kain samping hitam bersulam benang emas. Pemakaian kain samping bersulam emas menampakkan ketampanan para pelenggok dan bertujuan mempromosikan songket sebagai hasil tangan penduduk Terengganu yang terkenal sejak berzaman. Kumpulan pelenggok tidak mengenakan pakaian batik sebagaimana kumpulan pengadi.



**Gambar 4** Kostum kumpulan pelenggok untuk persembahan biasa  
Sumber: Koleksi Muzium Negeri Terengganu



**Gambar 5** Kostum kumpulan pengadi untuk majlis rasmi  
Sumber: Koleksi Muzium Negeri Terengganu



**Gambar 6** Kostum kumpulan mak inang  
Sumber: Koleksi Muzium Negeri Terengganu

### **Mak Inang**

Kumpulan mak inang selalunya berpakaian baju kebaya yang diseragamkan warnanya dan bersanggul rambut. Pakaian baju kebaya diperbuat daripada kain songket turut dipakai oleh kumpulan mak inang dalam persembahan rodak di majlis rasmi atau di hotel-hotel. Dari aspek perhiasan, mak inang bebas memakai apa sahaja perhiasan asalkan semuanya diseragamkan. Antara bahan perhiasan yang digunakan ialah gincu, bedak pipi, pewarna pipi, pewarna mata dan lain-lain.

## **LIRIK LAGU**

Pada tahun 1900, lagu rodah berdasarkan Kitab Hadrah sepenuhnya. Seni kata lagu yang dilagukan ketika persembahan rodah adalah dalam bahasa Arab. Terdapat sebanyak 176 buah lagu di dalam Kitab Hadrah yang asal. Menurut Pak Yusof Said, persembahan rodah mempunyai 50 hingga 60 buah lagu sahaja. Pada zaman dahulu, lagu-lagu rodah dinyanyikan sepenuhnya oleh kaum lelaki di majlis perkahwinan dan berkhatan. Antara lagu-lagu rodah yang masih popular dan sering diperdengarkan ketika persembahan rodah pada masa kini adalah seperti berikut:

1. Ya Hayyu Ya Qayyum (Wahai Yang Maha Hidup dan Berdiri Sendiri)
2. Allah La Ilaha Illa Allah (Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah)
3. La Ilaha Illa Ya Karim (Tiada Tuhan melainkan Engkau Yang Maha Pemurah)
4. Zikri Nabi Al-Mukhtar (Nabi yang terpilih)
5. Silatullah (Hubungan dengan Allah)

Lagu Ya Hayyu Ya Qayyum merupakan lagu yang sering diulang-ulang oleh kumpulan pelenggok dalam persembahan rodah. Antara lirik lagu Ya Hayyu Ya Qayyum berdasarkan teks asal dari Kitab Hadrah yang dikaji adalah sebagaimana berikut:



يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ اِحْيِ الْقُلُوْبَ تَحْيَا  
 اِصْلِحْ لَنَا الْاَعْمَالَ فِي الدِّينِ وَالدُّنْيَا  
 هَيَّاتِ يَا يَحْيَا  
 اِنْ شِئْتَ اَنْ تَحْيَا  
 لَا تَطْلُبِ الْبُقْيَا  
 فِي هَذِهِ الْاَفْيَا  
 وَالتَّفْرِقَةَ وَالْبَوْنَ  
 فِي رُؤْيَةِ الْاَشْيَا

Yā Hayyu Yā Qayyum ihyi al-qulūba tahyā  
 Islih lanā al-'a'mālā fī al-dīni wa al-dunyā  
 Hayhāta yā yahyā  
 'in syi'ta an tahyā  
 Lā tatlub al-buqyā  
 fī hāzihi al-'afyā  
 Wa al-tafriqah wa al-bawna  
 fī ru'yat al-'asyya

Walaubagaimanapun, pada ketika ini, zikir-zikir di dalam Kitab Hadrah ini telah dialunkan dengan sebutan yang jauh berbeza daripada sebutan yang sebenar dalam bahasa Arab. Hal ini merupakan satu evolusi yang negatif dan perlu diperbetulkan agar makna lirik yang disampaikan dalam persembahan rodat adalah tepat seperti yang tercatat di dalam Kitab Hadrah; di antara kandungannya adalah puji-pujian kepada Allah SWT dan RasulNya Muhammad SAW serta doa-doa. Percanggahan sebutan dalam bahasa Arab ini dapat

dibuktikan menerusi lirik lagu Ya Hayyu Ya Qayyum yang dilagukan dalam persembahan rodan dewasa ini sebagaimana berikut:

Ya La Mu Yahayun  
 Muiya La Na Qayyum  
 Mu Yahaye Allah Qalu La Bitaya  
 Ni Ashallilana Lana Ladihama  
 Bia Duniwa, Allah Niwa Ladunia.

Selain itu, penerimaan mak inang daripada golongan perempuan telah membawa satu evolusi baru dalam persembahan rodan Terengganu. Pantun-pantun Melayu telah dimasukkan dan dilagukan dalam persembahan rodan. Pantun-pantun yang disampaikan berbentuk pantun empat kerat yang berlatarkan tempat menarik dan bersejarah di negeri Terengganu. Pantun lama yang sering dilagukan ketika persembahan adalah seperti berikut:

1. Tanah ini tanah lembah  
 Tanam senduduk sepohon dua  
 Tanah ini tanah bertuah  
 Tumpang berteduh setahun dua.

Itik putih dada kuning  
 Turun ke laman makan dedak  
 Turun letih pening kepala  
 Harap tuan datang juga.

Tebang buluh jangan rebeng  
Kalau rebeng kena sembilu  
Orang tabah jangan tebeng  
Kalau tebeng boleh malu.

Bukit Datu Pulau Sekati  
Sama tentang Kuala Hiliran  
Tiap waktu duduk menanti  
Siang malam berhati rawang.

Perahu Kolek di Pulau Duyung  
Muat rotan tiga petak  
Kecil molek lalu berpayung  
Lepas hujan saya nak mintak.

Balik Bukit kerja raya  
Tempat orang gaji kayu  
Sudah nasib menimpa saya  
Bunga kembang jadi layu.

Sayang sambar ke nyiru  
Madu kelapa dalam tempayan  
Lagi tak hilang Bukit Puteri  
Aku tak lupa kasihmu tuan.

Papan Serapak papan Seraya  
Papan sekeping atas peti  
Mudanya empat muda sebaya  
Muda seorang buah hati.

Buah hati Gunung Payung  
Berbunga tirus di puncak jemala  
Buah hati pengarang jantung  
Berbunga di kelompok jiwa.

Yang merah itu saga  
Yang kurek itu kendi  
Yang indah itu bahasa  
Yang baik itu budi.

Musafir lalu di sana sini  
Lalu berteduh di Taman Darul Iman  
Fikirlah wahai pelita hati  
Itulah pedoman penyuluh kehidupan.

2. Anak ayam turun sebelas  
Matilah satu tinggal sepuluh  
Bagaimana hati tak belas  
Menyelak fajar waktulah subuh.

Anak ayam turun sepuluh  
Matilah satu tinggal sembilan  
Menyelak fajar waktulah subuh  
Ambillah wudhu lalu sembahyang.

Anak ayam turun sembilan  
Matilah satu tinggalah lapan  
Ambillah wudhu lalu sembahyang  
Mintalah doa kepada Tuhan.

Anak ayam turunlah lapan  
Matilah satu tinggalah tujuh  
Mintalah doa kepada Tuhan  
Minta tertutuplah neraka tujuh.

Anak ayam turunlah tujuh  
Matilah satu tinggalah enam  
Minta tertutuplah neraka tujuh  
Minta lepaskan neraka jahanam.

Anak ayam turunlah enam  
Matilah satu tinggalah lima  
Minta lepaskan neraka jahanam  
Minta mati dalam agama.

Anak ayam turunlah lima  
Matilah satu tinggallah empat  
Minta mati dalam agama  
Minta tunjuk jalan makrifat.

Anak ayam turunlah empat  
Matilah satu tinggallah tiga  
Minta tunjuk jalan makrifat  
Minta terbukalah pintu syurga.

Anak ayam turunlah tiga  
Matilah satu tinggallah dua  
Minta terbukalah pintu syurga  
Syurga bernama jannatul makwa.  
Anak ayam turunlah dua

Matilah satu tinggallah satu  
Syurga bernama jannatul makwa  
Minta terbuka segala pintu.

Anak ayam turunlah satu  
Satu mati habislah ghaib  
Minta terbuka segala pintu  
Di situ tempat saya nak balik.

Sejajar peredaran zaman, pantun-pantun moden, lagu-lagu pop, dangdut dan hindustan turut dinyanyikan oleh mak inang untuk menarik lebih ramai penonton. Lagu-lagu yang dipilih selalunya lagu-lagu yang popular mengikut zaman dalam kalangan masyarakat. Hal ini turut diperjelaskan oleh Mohd Ghouse (1994: 157) iaitu satu perubahan lagi pada tahun 1960-an: mak inang menyanyi lagu popular Melayu dan Hindustan sambil menari untuk menarik penonton remaja. Pergerakan tarian juga diubah suai merangkumi variasi inang dan joget dengan menggunakan corak lantai asas bergerak ke hadapan dan belakang. Selain itu, majalah Sekolah Menengah Seberang Takir (SEMESTA) yang ditulis pada tahun 1969 menyebut:

Kalau dahulu Mak Inang menari dengan begitu lemah lembut, melambangkan tarian Melayu, tetapi sekarang telah di-ubah dan di-gantikan dengan tarian<sup>2</sup> yang lebeh ranchak seperti Twist dan Ago-go. Jika di-lihat sa-pintas lalu tentu sa-kali Rodat yang mengalami pembaharuan ini sangat menarek dan dapat menjamu selera penuntun<sup>2</sup> lelaki. Tetapi jika di-tinjau dengan lebeh dekat, kita akan dapati keaslian-nya telah di-hanyutkan oleh arus<sup>2</sup> moden yang liar itu. Dari itu mutu seni-nya sekarang sudah tidak ada lagi. Tidak ada lagi segi<sup>2</sup> yang dapat di-banggakan dengan keaslian-nya melainkan awak<sup>2</sup> Dayong (Pelenggok) yang maseh mengekalkan pakaian melayu mereka. Mak Inang yang dulu-nya kebaya-nya melaboh hingga ke buku lali sekarang telah di-tukar dengan pakaian<sup>2</sup> yang sunggoh<sup>2</sup> mengiorkan. Lagu<sup>2</sup> yang di-nyanyikan di-chedok sapenuh-nya daripada lagu pop.

Selain itu, menurut Zani (2002: 36) perubahan masa telah menyaksikan banyak kisah di dalam lagu mengalami pengubahsuaian demi mengikut tuntutan para penonton yang menyaksikan persembahan rodan. Daripada kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan sebutan Arab daripada kumpulan rodan yang ada sekarang mungkin disebabkan oleh bilangan Kitab Hadrah yang sukar diperolehi. Tambahan pula para pelapis yang ada diajar nyanyian Arab secara lisan sahaja.

## **STRUKTUR PERSEMBAHAN**

Struktur persembahan dalam kesenian tradisional mencerminkan nilai dan norma kehidupan masyarakat Melayu. Struktur persembahan yang wujud dewasa ini telah banyak dievolusi daripada keadaan aslinya akibat urbanisasi dan globalisasi. Tempoh masa sesuatu persembahan rodan pada zaman dahulu ialah bermula dari selepas maghrib sehingga subuh. Kemudian diubah bermula pukul 10 malam sehingga subuh. Namun begitu, persembahan rodan pada masa kini hanya dalam tempoh masa dua hingga tiga jam sahaja. Hasil kajian mendapati persembahan rodan dipersembahkan dalam tiga fasa yang utama sebagaimana berikut:

### **Upacara Pembukaan**

Pada zaman dahulu, persembahan rodan didahului dengan upacara membuka pentas atau juga dikenali sebagai adat membuka tirai. Upacara ini bertujuan menjaga keselamatan para pengadi, pelenggok, mak inang dan penonton. Ketua pengadi akan membaca jampi dan doa di depan sebuah mangkuk tembaga yang mengandungi beras basah. Selepas selesai jampi mentera, ketua pengadi akan memaling segenggam beras sebanyak tiga atau lima kali ke atas pentas dengan iringan paluan tar rodan. Selepas upacara tersebut, rodan dipersembahkan untuk tontonan masyarakat.



Pada sekitar tahun 1950-an, terdapat pertandingan rodan yang melibatkan dua kumpulan beradu kehebatan mereka. Upacara membuka pentas dijalankan oleh kumpulan rodan masing-masing untuk menepis perasaan iri hati atau gangguan makhluk halus yang mungkin diwujudkan oleh pihak lawan dan juga bertujuan meyakinkan pemain-pemain rodan tentang keselamatan mereka dalam pertandingan rodan tersebut. Hal ini dapat diperjelaskan lagi melalui kenyataan Zakaria dan Ahmad (1990: 43) sebagaimana berikut:

Biasanya persembahan Rodan didahului dengan upacara perasmian khas. Upacara tersebut biasanya dilakukan oleh Tok Guru Rodan sendiri. Tok Guru Rodan akan menggunakan jampi serapah untuk mengelakkan daripada gangguan jin, hantu, syaitan dan sihir.

Menurut Encik Abdul Razak Senik, permainan rodan masa kini telah mengalami evolusi dan tidak lagi mengamalkan upacara ritual tersebut. Lazimnya, sebelum sesuatu persembahan rodan dimulakan semua pemain rodan akan berkumpul dan berdoa kepada Allah memohon agar persembahan rodan yang akan dipersembahkan mencapai kejayaan. Selain itu, kumpulan pengadi dan pelenggok memulakan persembahan rodan dengan berselawat selama lebih kurang 10 hingga 15 minit.

Menurut Pak Yusof Said pula, pada zaman kegemilangan rodan pada tahun 1950-an, pertandingan rodan diadakan secara beradu kehebatan di antara dua kumpulan rodan. Kemenangan ditentukan melalui jumlah penonton yang terdapat di kawasan pentas sesebuah kumpulan rodan. Oleh itu, penggunaan jampi oleh masyarakat Melayu dahulu kala bertujuan memohon perlindungan makhluk halus, memberi keyakinan diri dan keselamatan kepada pemain-pemain rodan dalam kumpulan masing-masing. Namun begitu, persembahan rodan pada zaman globalisasi ini tidak lagi mengamalkan jampi. Persembahan rodan masa kini hanya berbentuk hiburan dan tidak lagi berbentuk pertandingan sebagaimana dahulu.

## **Fasa Kedua**

Fasa kedua persembahan rodak dimulakan apabila kumpulan pelenggok berdiri dalam kedudukan lurus sebaris di depan kumpulan pengadi. Kumpulan pengadi akan memulakan atau memimpin kumpulan pelenggok melalui nyanyian lagu-lagu berbahasa Arab yang terdapat di dalam Kitab Hadrah. Pukulan tar rodak dalam rentak perlahan.

Selepas itu, kumpulan pelenggok akan menyambut nyanyian kumpulan pengadi. Ketika ini pukulan tar rodak bertukar menjadi rentak rancak dan kuat. Kumpulan pelenggok akan melakukan gerakan pelbagai variasi mengikut rentak lagu. Selalunya, pergerakan berbentuk variasi berulang alik seperti mara ke depan dan undur ke belakang, berlutut atau berdiri sambil melenggok; sebahagian pemain ke depan sebahagian pemain ke belakang dan sebagainya.

Pergerakan kumpulan pelenggok dewasa ini lebih bebas berbanding zaman dahulu. Pergerakan pelenggok pada peringkat awal hanya dalam posisi duduk di atas tilam yang dibentangkan di ruang tamu rumah pengantin. Pergerakan kumpulan pelenggok hanya melibatkan pergerakan anggota tangan sahaja. Melalui pergerakan tangan inilah mereka membentuk pelbagai variasi tangan yang masih diteruskan sehingga kini.

## **Fasa Ketiga**

Mak inang yang terdiri daripada kaum perempuan akan mengambil tempat masing-masing di depan kumpulan pelenggok. Ketua mak inang akan mula berpantun dan pantunnya akan disambut oleh kumpulan mak inang sambil melakukan variasi gerakan tangan dan kaki. Ketika mak inang menyanyikan lagu pantun, pukulan tar rodak adalah berentak perlahan. Lazimnya, mak inang akan berpantun selama 10 hingga 15 minit.

Pantun-pantun yang dinyanyikan oleh kumpulan mak inang akan disambut oleh kumpulan pelenggok sebelum persembahan tamat. Ketika ini pukulan tar rodak bertukar

menjadi rancak dan kuat. Mak inang dan pelenggok akan melakukan variasi gerakan mengikut lagu yang dinyanyikan. Selepas itu, kumpulan rodan akan berhenti rehat selama 5 hingga 10 minit sebelum memulakan persembahan rodan untuk pusingan kedua. Lazimnya, persembahan rodan mengandungi 8 hingga 12 pusingan yang setiap satunya mengambil masa 20 hingga 30 minit lamanya.


Evolusi yang paling ketara dalam persembahan rodan ialah penerimaan kaum wanita sebagai mak inang selepas Perang Dunia Kedua. Pada zaman dahulu, kaum lelaki yang memegang peranan mak inang. Kaum lelaki akan berpakaian perempuan dan melakukan variasi gerakan. Menurut Mohd Ghouse (1994: 155), pada dekad 1930-an, rodan mengubah corak persembahannya dengan memasukkan tarian bahagian perempuan yang ditarikan oleh pondan kerana pada masa itu masyarakat memandang rendah para gadis yang menari di hadapan khalayak ramai. Namun selepas Perang Dunia Kedua, anak gadis turut menari dalam rodan.

Persembahan rodan memiliki pola lantainya yang tersendiri. Pola lantai persembahan rodan pada zaman dahulu hanya melibatkan golongan pengadi dan pelenggok sahaja. Pelenggok akan mempersembahkan rodan di atas tilam di dalam rumah pengantin. Pola lantainya adalah seperti dalam Rajah 1.


Menurut Encik Musa Hitam<sup>5</sup> atau lebih dikenali sebagai Pak Awang Hitam, seorang penggiat seni rodan di Kuala Terengganu menjelaskan bahawa pola lantai rodan tarian rodan mengalami evolusi selepas masyarakat menyedari bahawa persembahan rodan kurang sesuai ditarikan di dalam rumah. Hal ini berikutan masyarakat kampung tidak dapat menonton persembahan rodan kerana kekangan ruang di dalam rumah. Maka rodan mula dipersembahkan di halaman rumah. Para pelenggok melakukan pelbagai variasi gerakan di atas tikar mengkuang. Pola lantai rodan ini memberikan ruang yang luas kepada penonton menyaksikan persembahan rodan tanpa sebarang kekangan ruang.

Evolusi dalam persembahan rodan berterusan apabila ia dipersembahkan di pentas-pentas terbuka dan di dalam dewan atau auditorium. Dewasa ini, susunan kedudukan pengadi,


pelenggok dan mak inang diubahsuai mengikut keluasan pentas, jenis pentas dan kedudukan penonton. Kini, terdapat dua pola lantai yang digunakan dalam persembahan pentas/dewan, (Rajah 3 dan 4).




**Rajah 1** Pola lantai tarian rodan di dalam rumah



**Rajah 2** Pola lantai tarian rodan di halaman rumah



**Rajah 3** Pola lantai tarian rodan di pentas/dewan



**Rajah 4** Pola lantai tarian rodan di pentas/dewan

## **BILANGAN ANGGOTA KUMPULAN**

Bilangan anggota kumpulan rodan pada peringkat awal kedatangannya ke Terengganu tidak mementingkan bilangannya. Bilangan anggota kumpulan rodan pada zaman dahulu bergantung kepada kehadiran komuniti kampung yang berpegang kepada semangat bergotong-royong dan bersifat sukarela untuk menjayakan sesuatu majlis perkahwinan dan berkhatan yang diadakan. Namun begitu, kerana persembahan diadakan di atas tilam di dalam rumah pengantin, maka 10 orang pemain rodan dianggap paling sesuai untuk satu-satu persembahan rodan yang diadakan. Hal ini turut diperjelaskan oleh Mohd Ghouse (1994: 155) iaitu, bilangan pemain meningkat daripada 10 orang kepada 26 orang terbahagi kepada pelenggok (12 penari lelaki), pengadi (lapan pemain gendang) dan mak inang (empat hingga lapan penari perempuan).

Menurut Pak Yusof Said, bilangan pemain rodan pada peringkat awal rodan dipersembahkan di pentas awam adalah seramai 26 orang yang terdiri daripada 10 orang pengadi, 10 orang pelenggok dan 6 orang mak inang. Bilangan ini dianggap sangat sesuai dan mampu memenuhi ruang pentas sepenuhnya.

Namun begitu, peredaran zaman meninggalkan impak yang cukup hebat kepada kumpulan-kumpulan rodan yang masih bertahan di Kuala Terengganu. Ramai muda-mudi telah meninggalkan kumpulan rodan masing-masing kerana kepentingan masa depan mereka. Hal ini terbukti melalui kenyataan Encik Abdul Aziz Sulaiman, iaitu anggota kumpulan yang terlibat dalam persembahan rodan pada masa kini tidak lagi tetap seperti dulu kerana kesibukan ahli kumpulan rodan yang mempunyai pekerjaan tetap, tidak mendapat cuti daripada majikan, memiliki tanggungjawab kepada keluarga dan tidak lagi berminat dengan rodan.

Menurut Pak Yusof Said, persembahan rodan dewasa ini terpaksa diteruskan menggunakan tenaga pemain rodan yang dapat menyertai sesuatu persembahan. Selain itu, pemain-pemain rodan kumpulan lain turut memberikan bantuan kepada sesebuah kumpulan rodan apabila tenaga mereka diperlukan. Persembahan rodan tetap diteruskan meskipun

bilangan anggota kumpulan rodan tidak seramai dulu. Apa yang lebih penting memastikan rodan tidak terkubur dan hilang daripada ingatan masyarakat.

### **PENERIMAAN KHALAYAK**

Penerimaan masyarakat terhadap kesenian rodan pada tahun 1900–1950-an amat membanggakan. Meskipun rodan baru bertapak di Kampung Pasir Panjang, Kampung Gong Tok Nasek dan Kampung Balik Bukit, namun kesenian ini mampu memikat hati penduduk Kuala Terengganu ketika itu. Menurut Pak Yusof Said, pada zaman dahulu di mana sahaja rodan dipersembahkan, pasti mendapat sambutan yang luar biasa dan bagaikan pesta. Orang ramai sanggup berbasikal dan berjalan kaki berbatu-batu jauhnya kerana ingin menyaksikan persembahan rodan.

Pada tahun 1950-an merupakan zaman kegemilangan rodan di Kuala Terengganu apabila dijadikan persembahan untuk majlis rasmi negeri dan istana. Selain itu, pertandingan rodan yang berbentuk beradu kehebatan di antara dua kumpulan turut diadakan di Kampung Tok Ku. Penyertaan kumpulan rodan dari serata daerah Terengganu. Hal ini memperlihatkan daerah-daerah lain turut memiliki kumpulan rodan masing-masing kerana penerimaan masyarakat setempat yang meminati kesenian rodan.

Peredaran zaman memperlihatkan pada tahun 1970-an, rodan mula mengalami zaman malapnya apabila masyarakat setempat mula berubah arah kepada media elektronik seperti televisyen, radio, video dan sebagainya. Pelbagai hiburan yang diperolehi daripada media massa ini mula mengubah persepsi dan citarasa masyarakat sehingga tidak lagi meminati persembahan rodan.

Pada era globalisasi ini, rodan ibarat "hidup segan, mati tak mahu" atau "ibarat telur di hujung tanduk." Hal ini jelas kerana ramai pemuda-pemudi tidak mengenali kesenian rodan. Malah mereka tidak berminat untuk mempelajarinya kerana mereka beranggapan kesenian tersebut ketinggalan zaman, tidak menarik dan hanya sesuai untuk golongan tua. Malah

persembahan rodan dewasa ini, hanya dipersembahkan jika mendapat undangan dari pihak hotel atau kerajaan negeri Terengganu.

### **SARANAN PEMULIHARAAN**

Usaha menyemai semangat cintakan kesenian tradisional perlu dimulakan dari peringkat awal. Rodan, mak yong, dikir barat dan sebagainya perlu dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran di peringkat sekolah dan seterusnya ke peringkat universiti. Penubuhan pasukan kesenian tradisional di sekolah atau di universiti merupakan satu usaha yang mampu meneruskan usia kesenian tradisional.

Selain itu, kerajaan negeri Terengganu perlu melihat hal ini secara serius dan perlu memikirkan satu kaedah terbaik untuk memartabatkan semula rodan sebagai kesenian rakyat yang agung. Kemerosotan rodan pasti ada puncanya dan punca-punca ini perlu dikaji. Kerajaan negeri perlu merancang kursus rodan untuk para remaja. Rodan juga perlu diwajibkan kepada pelajar-pelajar Akademi Seni Terengganu (ASENI) sebagai prasyarat kelulusan pengajian mereka.

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia perlu mempromosikan kesenian setiap negeri melalui festival di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Jika selama ini, Festival Tarian, Festival Layang-layang dan Festival Gasing pernah diadakan, adalah menjadi satu kebanggaan kepada penggiat rodan sekiranya Festival Rodan dapat diadakan untuk menghidupkan semula zaman kegemilangannya. Melalui festival kesenian, masyarakat Malaysia dapat mengenali kesenian yang terdapat di negara kita. Selain itu, usaha membukukan sejarah kesenian rodan dan penjualan cakera padat kesenian tradisional turut mampu memperkenalkannya kepada generasi baru.

Muzium Negeri Terengganu perlu menjalankan kajian dan memasukkan rodan sebagai sebahagian bahan sejarah. Melalui pameran-pameran yang dilaksanakan, dapat



memperkenalkan rodan kepada masyarakat dan pelancong. Selain itu, dokumen berkaitan rodan dapat disimpan dan diarkibkan untuk kajian pada masa akan datang.

Pihak media massa iaitu media cetak dan media elektronik turut berperanan penting dalam mengembangkan kesenian rodan. Setiap paparan dan rancangan yang diterbitkan berperanan memperkenalkan rodan kepada generasi muda. Usaha murni tersebut membolehkan generasi muda mengenali akar budaya bangsa dan seterusnya berputik perasaan cinta terhadap seni budaya bangsa Melayu.

Dalam arus globalisasi, muzik berperanan sebagai hiburan dan santapan jiwa manusia. Untuk memastikan kesenian rodan tidak terkubur, maka lagu-lagu rodan boleh dikomersilkan dan diubah rentak berkonsepkan irama Malaysia. Lagu nyanyian Uji Rashid yang berjudul "Inang Rodan" satu ketika dahulu telah memasukkan irama lagu rodan pada bahagian *chorus* lagu tersebut. Hal ini mewujudkan satu kelainan dan memberi nafas baru kepada lagu berirama Malaysia. Sesungguhnya, usaha sedemikian perlu diperbanyakkan agar lagu tradisional Melayu mendapat tempat di hati generasi muda.

Sudah tiba masanya persembahan rodan perlu dievolusikan mengikut zaman; peralatan muzik moden seperti gitar elektrik, dram, seruling, *keyboard* dan lain-lain boleh dicantumkan untuk persembahan rodan mengikut segmen-segmen yang ditetapkan. Dengan kata lain, persembahan rodan dapat mencantumkan segmen lama dan segmen baru yang dikomersilkan. Selain itu, kitab Hadrah yang dilagukan dalam bahasa Arab perlulah tepat sebutannya agar maknanya jelas. Hal ini perlu diberi perhatian yang khusus oleh guru rodan supaya lirik (zikir) yang dilagukan oleh kumpulan pengadi dan pelenggok memberi berkat kepada semua dan mengesakan Allah.

## **PENUTUP**

Kesenian persembahan rodan merupakan salah satu kesenian tradisional Melayu yang menggabungkan seni suara, seni muzik dan seni tari. Persembahan rodan bertunjangkan kepada Kitab Hadrah mengalun zikir mengagungkan nabi, rasul dan Allah. Kajian ini merupakan satu usaha murni untuk memperkenalkan, menghidupkan semula dan mempertahankan kesenian rodan yang diwarisi sejak berzaman daripada terkubur. Rodan yang pernah mencapai zaman kegemilangannya dan menjadi kebanggaan penduduk negeri Terengganu satu ketika dahulu memperlihatkan pelbagai evolusi yang dialami sejajar peredaran zaman yang ditempuhi. Sehubungan itu, rodan tidak harus dibiarkan terkubur kerana kelalaian masyarakat Melayu akibat mengejar kemodenan atau globalisasi.

## **NOTA**

1. Temu bual bersama Pak Yusof Said, guru rodan Kampung Gong Tok Nasek, Kuala Terengganu.
2. Temu bual bersama Encik Abdul Razak Senik atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Jak, guru rodan Kampung Surau Panjang, Kuala Terengganu.
3. Temu bual bersama Pak Awang Salleh, guru rodan Kuala Terengganu.
4. Temu bual bersama Encik Abdul Aziz Sulaiman, aktivis budaya Terengganu.
5. Temu bual bersama Encik Musa Hitam, guru rodan Kampung Pak Maseh, Kuala Terengganu.

**BIBLIOGRAFI**

- Ahmad Omar. 1978. *Tarian dan arah perkembangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 1983. *Sirih Pinang: Kumpulan esei budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gazali Dunia. 1969. *Langgam sastera lama*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Huzinga, J. 1962. *Home ludens: A study of the play elements in culture*. Boston, MA: Beacon Press.
- J. M. Aziz. 1988. *Kembang selaut*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jymma. 1974. Peranan rodan di Terengganu. *Dewan Masyarakat*, July: 40.
- Kitab Hadrah. n.d.
- Majalah Sekolah Menengah Seberang Takir (SEMESTA)*. 1969. Kuala Terengganu: Sekolah Menengah Seberang Takir.
- Mohd Ghouse Nasaruddin. 1994. *Tarian Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sachs, C. 1963. *World history of dance*. New York: Norton & Co. Inc.
- Soedersono. 1972. *Jawa dan Bali: Dua pusat perkembangan drama tradisional*. Jakarta: Gajah Mada University Press.

Shahril Asmar Saaid and Mohamed Roselan Malek. 1995. *Kesenian dan hiburan tradisional*. Selangor: Prisma Sdn. Bhd.

Sheppard, M. C. 1967. Tarian rodan dalam pesta. *Mastika*, August: 35.

\_\_\_\_\_. 1938. The Terengganu rodan. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 16: 109.

Slotkin, J. S. 1950. *Social anthropology*. New York: Macmillan.

Tengku Abu Bakar Husny. 1973. *Tarian Melayu moden*. Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan.

Umi Abdullah. 2003. *Siri mengenal budaya rodan*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Zakaria Abdullah and Ahmad Buyung. 1990. *Kebudayaan rakyat di Malaysia*. Selangor: Pam Publishing.

Zani Ismail. 2002. *Rodan sejarah dan cabaran masa kini*. Kuala Terengganu: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

**LAMPIRAN**

**Gambar 7** Persembahan rodan di pentas kayu  
Sumber: Koleksi Muzium Negeri Terengganu



**Gambar 8** Persembahan di pentas moden  
Sumber: Koleksi Muzium Negeri Terengganu



**Gambar 9** Kumpulan pelenggok dan mak inang  
mempersembahkan rodak  
Sumber: Koleksi Muzium Negeri Terengganu